



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



**BUKU PANDUAN  
DAN LATIHAN  
KOR KADET POLIS DIRAJA MALAYSIA**



*Sekapur Sirih*  
**KETUA POLIS NEGARA**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Terlebih dahulu saya ingin merakam ucapan terima kasih kepada Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti serta Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyiapkan dan menerbitkan **Buku Panduan Dan Latihan Pasukan Kor Kadet Polis**. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, buku ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Penerbitan buku ini adalah amat signifikan dan bertepatan pada waktunya sebagai satu wadah bagi mendokumentasikan pelbagai latar belakang pelajar

Buku ini bukan sahaja berguna kepada PDRM dan Kementerian Pendidikan Malaysia, malahan buku ini memberikan aspirasi dan iltizam yang baru kepada pelajar-pelajar untuk menyertai Kor Kadet Polis. PDRM komited dan berusaha untuk memperbaiki sistem penyampaian dan memperkasakan keberkesanan arahan-arahan yang diberikan demi memenuhi kehendak dan ekspektasi stakeholders.

Harapan saya kepada semua pihak yang terlibat, semoga dengan penerbitan buku ini dapat meningkatkan lagi produktiviti kerja yang diamanahkan serta mendukung nilai-nilai integriti, berkualiti, proaktif dan mendukung visi dan misi pasukan juga kementerian dalam usaha mendidik para pelajar demi melahirkan insan yang kompeten serta berkebolehan untuk bersaing di era globalisasi ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada seluruh ahli jawatankuasa kerja, yang telah bertungkus-lumus menerbitkan buku ini.

Sekian, Tahniah dan Syabas.

**(TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR) IG**  
**Ketua Polis Negara**

## KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1	Pendahuluan	4
2	Sejarah Penubuhan	4
3	Matlamat	5
4	Objektif	5
5	Punca Kuasa	6-8
6	Organisasi	8-10
7	Permohonan Sebagai Anggota Kadet	10
8	Tapisan Keselamatan	11
9	Kuasa Melantik	11
10	Akuan Perjawatan	11
11	Syarat – Syarat Kelayakan	11
12	Perkhidmatan	12
13	Kenaikan Pangkat	13
14	Penamatan Perkhidmatan	13
15	Peletakan Jawatan	14
16	Rayuan	14
17	Pembubaran	15
18	Latihan / Aktiviti	15
19	Peranan dan Bidang Tugas	16
20	Pakaian Seragam	17-24
21	Sijil-Sijil	24
22	Tanggungjawab Ketua Polis Daerah	24
23	Tanggungjawab Pengetua Sekolah	25
24	Tanggungjawab Pegawai Kanan Kor Kadet Polis	26
25	Penutup	26

## LAMPIRAN

Kod. Lampiran	Perkara	Muka Surat
A	Permohonan Untuk Menubuhkan Pasukan Kadet Jadual Pertama ( Kaedah 5 )	27 - 30
B	Carta Organisasi Pengurusan	31
B 1	Carta Organisasi Bersama KPM Dan PDRM	32
B 2	Carta Organisasi Pengurusan Peringkat Kebangsaan	33
B 3	Carta Organisasi Peringkat Kompeni	34
B 4	Carta Organisasi Peringkat Platun	35
C	Permohonan Pelantikan Sebagai Pegawai Kanan Kor Kadet Polis Diraja Malaysia. Jadual Ketiga ( Kaedah 7 )	36 - 42
D	Penyata Diri Dan Dokumen Lain	42 - 48
D1	Sijil Pengakuan Pasukan Kor Kadet Polis	49-50
D2	Surat Peletakan Jawatan	51-53
E	Kurikulum Latihan (Bidang dan Tahap)	54
	Bidang Pengetahuan Kepolisian dan Kenegaraan	55-59
F	Tentatif Program Latihan Tahunan	60-62
G	Kod Etika Pakaian Seragam	63-67
G1	Ukuran /Kedudukan / Pemakaian Lencana Kadet Polis	68
G2	Pakaian Tugas Anggota Lelaki Kor Kadet	69
G3	Pakaian Kawalan Kehormatan / Drill Order	70
G4	Pakaian Tugas Anggota Kor Kadet Wanita	71
G5	Pakaian Kawad /Drill Order Pegawai Kanan Kadet Lelaki	72
G6	Pakaian Kerja Pegawai Kanan Kadet Wanita & Lelaki	73
H	Proses Penubuhan Kor Kadet Polis	74-76
H1	Proses Pelantikan dan Pengeluaran Sijil Pengakuan	77
	Carta Aliran Perlantikan dan Pengeluaran Sijil Perakuan	78
H2	Proses Kenaikan Pangkat Pegawai Kanan dan APR Kadet	79
	Carta Aliran Kenaikan Pangkat Pegawai Kanan Dan APR	80
H3	Proses Peletakan Jawatan	81
	Carta Aliran Perletakan Jawatan	82
H4	Proses Tindakan Tata tertib	83
	Carta Aliran Tindakan Tata tertib	84
H5	Proses Menguruskan Perkemahan Peringkat Kebangsaan	85
	Carta Aliran Perkhemahan Kebangsaan	86
I	Struktur Pangkat Dalam PDRM	87-88
J	Bahagian XI Kor Kadet Polis Diraja Malaysia ( Petikan Dari Akta Polis 1967 – Bhg. XI , Seksyen 68 – 73 )	89-91
K	Ringkasan / Istilah Pangkat	92-93
L	Lagu Kadet Polis	94-95
M	Bendera Kadet Polis	96-98
N	Panel Penulis	99-101

## 1. PENDAHULUAN

Buku Panduan Pengurusan dan Latihan Kor Kadet Polis Diraja Malaysia (KKPDRM) telah diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dalam Jilid Pertama pada tahun 1998. Pemurnian semula Buku Panduan ini dibuat selaras dengan peredaran masa dan membentuk keseragaman kefahaman semua peringkat yang terlibat dalam penubuhan Kor Kadet Polis Diraja Malaysia supaya segala pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan program aktiviti dapat dilaksanakan dengan lebih mantap dan bermakna selaras dengan objektif penubuhannya.

## 2. SEJARAH PENUBUHAN

**Pasukan Kadet Polis Diraja Malaysia** merupakan pasukan beruniform yang wujud di seluruh sekolah menengah di **Malaysia** yang berupaya mendisiplinkan murid-murid sekolah dan berupaya mengelakkan diri mereka daripada segala kegiatan negatif yang mampu merugikan diri mereka sendiri.

Tan Sri Dato' Haji Murad Mohd Noor, Ketua Pengarah Pelajaran melalui arahan dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 Surat Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia rujukan KP (BS) 8591/Jld. II (29) bertarikh 2 Januari 1985** telah menggerakkan penubuhan Kor Kadet Polis di seluruh sekolah sebagai salah satu latihan kokurikulum dalam kategori Pasukan Pakaian Seragam.

Sokongan menggerakkan idea penubuhan Kor Kadet Polis ini dipersetujui oleh **Ketua Polis Negara yang kedua, Allahyarham Tun Mohamed Salleh bin Ismail** ketika merasmikan Pelancaran Pasukan Kadet Polis pada **2 Mac 1970**. Allahyarham dalam ucapannya yang berbunyi:

“Objektif keseluruhan adalah untuk menjadikan kadet polis ini seorang warga negara yang bertanggungjawab di masa hadapan. Hasil yang wajib satu pengaruh yang kukuh dan sihat di kalangan rakan-rakannya, kawan-kawan dan keluarga supaya pada tahun-tahun yang mendatang, akan adanya satu baka barunya warganegara yang baik menyedarkan menyumbang untuk pembangunan bangsa”.

Arahan dan peraturan ini adalah bagi kemudahan pentadbiran sekolah yang akan menubuhkan Pasukan Kadet Polis (PKP) dan pelantikan Ahli-ahli Kadet dan Pegawai Rendah Kadet yang akan dipilih daripada murid-murid sekolah menengah yang dipilih.

Dasar penubuhan Kor Kadet Polis Diraja Malaysia (KKPDRM) seiring dengan Warta Kerajaan Jil. 13. Bil. 24 20hb. November 1969 Tambahan No. 80 Perundangan (A). P.U. (A). 487 Ordinan No. 2 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat, 1969, AKTA Polis 1967 di bawah Seksyen 68 (3) di mana Kor Kadet Polis hendaklah digabungkan dengan Pasukan **tetapi** anggota kor kadet **bukanlah** Pegawai Polis.

### 3. MATLAMAT

Matlamat utama penubuhan Kor Kadet Polis Diraja Malaysia (KKPDRM) adalah untuk:

- 3.1 Mewujudkan suasana yang seimbang di antara perkembangan mental dengan pekembangan sosial, rohani dan jasmani murid-murid.
- 3.2 Mengadakan aktiviti-aktiviti di sekolah supaya murid-murid boleh mengisi masa lapang mereka dengan gerak kerja yang bermanfaat dan dengan itu dapat menghindarkan murid-murid dari tercebur dalam gerak kerja yang tidak diingini seperti ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, membuang masa di pusat-pusat membeli belah atau melibatkan diri dengan kumpulan-kumpulan yang kurang sihat.
- 3.3 Memperkuuhkan lagi interaksi dan integrasi di antara murid-murid berbilang kaum di sekolah.
- 3.4 Memupuk bakat dan minat murid-murid daripada pelajaran di bilik darjah, memupuk semangat kesopanan, berdikari, kerajinan bekerja dan semangat berkhidmat, menyemai dan memperkuuhkan sifat-sifat berdisiplin dan patuh kepada undang-undang, serta lain-lain nilai dan tabiat yang baik yang dikehendaki supaya murid-murid dapat diasuh menjadi warganegara yang baik dan berguna.
- 3.5 Mewujudkan suasana dan tradisi sekolah yang dapat dibanggakan oleh murid-murid dan masyarakat.

### 4. OBJEKTIF

Objektif penubuhan Kor Kadet Polis Diraja Malaysia (KKPDRM) adalah untuk:

- 4.1 Meningkatkan disiplin diri dengan mematuhi peraturan dan undang-undang;
- 4.2 Melahirkan insan yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara dalam hal-hal keselamatan dan ketenteraman awam;
- 4.3 Membangunkan murid-murid sekolah yang mantap dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, sahsiah diri, moral, mental dan fizikal;
- 4.4 Membentuk masyarakat yang mempunyai hubungan erat antara PDRM dengan orang ramai yang saling memerlukan;
- 4.5 Mengetahui tanggungjawab, kualiti kepimpinan serta kebijaksanaan murid-murid sekolah; dan
- 4.6 Peranan Belia di dalam *Nation Building*:

Dasar Belia Negara bertujuan melahirkan masyarakat belia yang berdisiplin, berpelajaran dan bertanggungjawab. Oleh itu, generasi muda diperhitungkan sebagai harapan bangsa dan negara. Merekalah yang akan membentuk tulang belakang dalam pembangunan negara dalam semua aspek.

## 5. PUNCA KUASA

Dasar penubuhan Kor Kadet Polis Diraja Malaysia (KKPDRM) seiring dengan Warta Kerajaan Jil. 13. Bil. 24 bertarikh 20hb. November 1969 Tambahan No. 80 Perundangan (A). P.U. (A). 487 Ordinan No. 2 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1969, Akta Polis 1967 dalam Bahagian XI Kor Kadet Polis penubuhan Kor Kadet Polis berpandukan kepada Seksyen 68 hingga Seksyen 73 Akta Polis 1967.

### 5.1 Penubuhan Kor Kadet Polis

Seksyen 68 (1) Kor Kadet Polis Diraja Malaysia hendaklah terdiri daripada sebilangan Pegawai Kanan Kor Kadet, Pegawai Rendah Kor Kadet dan kadet yang diizinkan dari semasa kesemasa oleh Yang di-Pertuan Agong.

Seksyen 68 (2) Kor Kadet hendaklah ditubuhkan mengikut bahagian, subbahagian dan unit sebagaimana ditetapkan dari semasa ke semasa.

Seksyen 68 (3) Kor Kadet hendaklah digabungkan dengan Pasukan tetapi anggota Kor Kadet **bukanlah pegawai polis mengikut pengertian Akta ini.**

## 5.2 Permohonan Penubuhan

Pengetua sekolah perlu membuat permohonan bagi menubuhkan KKPDRM dengan mengisi 3 salinan borang Jadual Pertama (Kaedah 5) seperti di **Lampiran A** dan majukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk mendapatkan sokongan. Seterusnya, memanjangkan permohonan tersebut kepada Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan (JPJKK) ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) melalui Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk mendapatkan kelulusan penubuhan Kor Kadet Polis.

Pangkat Ketua Polis Daerah (KPD)	Jumlah Sekolah
<b>Penolong Pesuruhjaya Polis Assistant Commissioner Police (ACP)</b>	<b>Sekurang-kurangnya 5 buah sekolah</b>
<b>Penguasa Polis Superintendent Police (Supt)</b>	<b>Sekurang-kurangnya 3 buah sekolah</b>
<b>Timbalan Penguasa Polis /Penolong Penguasa Polis Deputy Superintendent Police (DSP) / Assistant Superintendent Police (ASP)</b>	<b>Sekurang-kurangnya 2 buah sekolah</b>

- Nota:  
Semua Pegawai Kanan Kor Kadet Polis yang dilantik perlu menghadiri sesi temuduga bagi memastikan guru-guru yang dilantik mempunyai penampilan diri, boleh berkawad dan memberi kata perintah.

## 5.3 Pelantikan/ Kenaikan Pangkat/ Pembuangan Kerja Pegawai Kadet dan Kadet

5.3.1 Seksyen 70 (1) Pegawai-pegawai Kadet boleh dilantik ke pangkat Pegawai Kanan Kor Kadet atau Pegawai Rendah Kor Kadet.

- 5.3.2 Seksyen 70 (2) Pegawai-Pegawai Kanan Kor Kadet berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas boleh dengan persetujuan Menteri dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara.
- 5.3.3 Seksyen 70 (3) Pegawai-pegawai Kanan Kor Kadet berpangkat Ketua Inspektor atau ke bawah boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara.
- 5.3.4 Seksyen 70 (4) Pegawai-pegawai Rendah Kor Kadet dan kadet-kadet boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Pegawai Memerintah.

#### **5.4 Peletakan Jawatan**

Mana-mana anggota Kor Kadet boleh meletakkan jawatan daripada Kor Kadet dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada Pegawai Memerintah.

#### **5.5 Gaji dan Elaun**

Seksyen 72 seseorang anggota Kor Kadet hendaklah berkhidmat secara sukarela dan tidak berhak menerima apa-apa saraan bagi perkhidmatannya, kecuali elaun-elaun yang ditetapkan.

#### **5.6 Pembubaran**

Seksyen 73 apabila didapati bermanfaat oleh Menteri, dia boleh, dengan kelulusan Yang di Pertuan Agong, membubar atau menghentikan Kor Kadet atau mana-mana bahagian daripadanya.

### **6. ORGANISASI**

Penubuhan Kor Kadet mengikut Seksyen 68(2) hendaklah ditubuhkan mengikut bahagian, subbahagian dan unit sebagaimana ditetapkan dari semasa ke semasa. Pasukan Kadet Polis dibahagikan kepada Kompeni dan Platon.

- 6.1 Setiap platun itu mengandungi:-
  - 6.1.1 anggota-anggota ahli kor kadet yang datang dari sebuah sekolah sahaja sama ada satu platun lelaki; ataupun satu platun perempuan
  - 6.1.2 anggotanya semua lelaki maka satu platun lelaki ditubuhkan; dan
  - 6.1.3 begitu juga bagi sekolah yang anggotanya semua perempuan maka satu platun perempuan ditubuhkan.
- 6.2 Satu Kompeni mengandungi empat (4) Platun atau lebih dan diketuai oleh seorang Komander Kompeni berpangkat **Asistan Superintendant Polis Kor Kadet.**

Jawatan ini boleh dipegang oleh seorang Pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah atau Guru Sekolah. Komander Kompeni adalah dibantu oleh seorang Ajutan berpangkat Inspektor Kadet, Sub Inspektor Kadet dan dua (2) Sarjan Mejar Kadet. Ibu Pejabat Kompeni Kadet ini terletak di Ibu Pejabat Polis Daerah di mana Pasukan ini berada.

### **Peringkat Kompeni**

Terdiri daripada 1 Asistan Superintenden Polis Kor Kadet (ASP/K), 4 Inspektor Kor Kadet (Insp/K), 4 Sarjan Kor Kadet (Sjn/K), 12 Koperal Kor Kadet (Kpl/K), dan 120 anggota kadet.

(Jumlah keseluruhan 141 anggota)

- 6.3 Satu platun adalah terdiri daripada 35 ahli termasuk seorang Pegawai Kanan Kadet berpangkat Inspektor/Kadet (Insp/K), seorang Sarjan/Kadet, 3 orang Koperal/Kadet dan 30 ahli Kadet.

### **Peringkat Platun**

- 6.3.1 Terdiri dari 1 Inspektor Kor Kadet (Insp/K), 1 Sarjan Kor Kadet (Sjn/Kadet), 3 Koperal Kor Kadet (Kpl/Kadet) dan 30 anggota kadet.

(Jumlah keseluruhan 35 orang).
- 6.3.2 Setiap sekolah boleh menubuhkan satu unit platun lelaki dan satu unit platun perempuan sahaja.

- 6.3.3 Setiap platon mestilah terdiri daripada pegawai dan anggota kadet lelaki atau perempuan sahaja. **Tidak dibenarkan** campuran antara kadet lelaki dan kadet perempuan dalam setiap platon.
- 6.3.4 Inspektor Kor Kadet mestilah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (guru) yang telah disahkan jawatan. Guru Pelatih/ Guru Sandaran adalah tidak dibenarkan.
- 6.3.5 Inspektor Kor Kadet bertindak sebagai Komander Platon, Sarjan Kor Kadet sebagai Sarjan Platon dan Koperal Kor Kadet sebagai Ketua Seksyen.

## 7. PERMOHONAN SEBAGAI PEGAWAI/ ANGGOTA KOR KADET

Permohonan sebagai anggota Kor Kadet adalah seperti yang berikut:

- 7.1 Permohonan bagi menjadi **Pegawai Kanan Kor Kadet** hendaklah dibuat mengikut borang dalam Jadual Ketiga (Kaedah 7) seperti di Lampiran C dan hendaklah dihantar kepada Ketua Polis Negara untuk mendapatkan kelulusan.

Borang ini hendaklah disediakan dalam 3 salinan berserta 3 keping gambar tanpa janggut/ kemas dikepilkan bersama Borang Penubuhan Jadual Pertama (Kaedah 5).

- 7.2 Permohonan bagi pendaftaran **anggota kor kadet** hendaklah dibuat mengikut borang dalam Jadual Ketiga (Kaedah 6) seperti di Lampiran D dan dikehendaki hadir di hadapan satu jawatankuasa pemilih yang terdiri daripada tiga orang yang dilantik oleh Pesuruhjaya Polis Sabah dan Sarawak atau Ketua Polis Negeri seperti yang berikut :

- 7.2.1 Ketua Polis Daerah (KPD) atau wakil
- 7.2.2 Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) atau wakil
- 7.2.3 Pengetua Sekolah atau wakil

## 8. TAPISAN KESELAMATAN

Semua calon guru yang berjaya dalam temu duga sebagai Pegawai Kanan Kor Kadet perlu menjalani pemeriksaan oleh pegawai perubatan bertauliah dan melepassi tapisan keselamatan rekod jenayah daripada Jabatan Siasatan Jenayah dan Narkotik serta Cawangan Khas.

## 9. KUASA MELANTIK

Kuasa melantik Pegawai Kanan Kor Kadet dan anggota Pangkat Rendah Kor Kadet adalah seperti yang berikut:

- 9.1 **Perlantikan Pegawai Kanan Kor Kadet ber pangkat Asisten Superintenden Polis dan ke atas oleh Ketua Polis Negara (KPN) dengan persetujuan Menteri Dalam Negeri. Seksyen 70 (2) Akta Polis 1967**
- 9.2 Perlantikan Pegawai Kanan Kor Kadet ber pangkat Inspektor oleh Ketua Polis Negara (KPN) sahaja. Seksyen 70 (3) Akta Polis 1967
- 9.3 Perlantikan anggota Pangkat Rendah Kor Kadet dan Ahli Kor Kadet. Seksyen 70 (4) Akta Polis 1967 oleh Pegawai Memerintah.

## 10. AKUAN PERJAWATAN

Semua pegawai kanan dan anggota Kor Kadet Polis Diraja Malaysia dikehendaki mengisi borang Jadual Empat (Kaedah 9) seperti di **Lampiran E**, untuk membuat pengesahan jawatan dan disahkan oleh seorang pegawai yang diwartakan yang diberikan kuasa oleh Pesuruhjaya Polis Sabah dan Sarawak atau Ketua Polis Negeri.

## 11. SYARAT – SYARAT KELAYAKAN

Pendaftaran masuk ke dalam Kor Kadet Polis adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 11.1 Guru atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang **21** tahun dan tidak melebihi **50** tahun. (Seperti dalam Warta Kerajaan P.U. (A) 487

Ordinan No. 2 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat, 1969 Akta Polis 1967.

- 11.2 Murid sekolah menengah warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari **14** tahun dan tidak melebihi **21** tahun.
- 11.3 Tidak menganggotai mana-mana badan beruniform yang lain.
- 11.4 Guru atau pegawai pendidikan lelaki hendaklah mempunyai ketinggian 162 cm atau lebih dan semua murid lelaki hendaklah mempunyai ketinggian 125 cm atau lebih.
- 11.5 Guru atau pegawai pendidikan wanita hendaklah mempunyai ketinggian 152 cm atau lebih dan semua murid perempuan hendaklah mempunyai ketinggian 120 cm atau lebih.
- 11.6 Pemohon hendaklah mempunyai tubuh badan yang sihat dan diakui oleh Pegawai Perubatan bertauliah.
- 11.7 Setiap permohonan hendaklah diperaku dan disokong oleh Pengetua Sekolah.

## 12. PERKHIDMATAN

Perkhidmatan sebagai anggota Kor Kadet adalah seperti yang berikut:

- 12.1 Seseorang anggota Kor Kadet hendaklah berkhidmat dalam percubaan selama dua (2) bulan dan dalam tempoh tersebut dikehendaki menjalani ujian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Polis Sabah dan Sarawak atau Ketua Polis Negeri atau Ketua Polis Daerah. Jika keputusannya didapati tidak layak, maka diberhentikan perkhidmatannya mengikut para 12 dalam P.U. (A) 487 Kaedah-kaedah Kadet Polis Diraja Malaysia 1969.
- 12.2 Perkhidmatan dalam Kor Kadet Polis Diraja Malaysia adalah secara sukarela dan **tidak berhak menuntut apa-apa saraan** mengenai perkhidmatan kecuali elauan-elaun yang ditetapkan mengikut Seksyen 72 Akta Polis 1967.
- 12.3 Seseorang anggota Kor Kadet Polis Diraja Malaysia **tidak berhak mendapat apa-apa pampasan bersabit kematian**

**atau apa-apa bencana** disebabkan oleh bahaya khas semasa menjalankan tugas latihan. Sungguh pun begitu mereka **boleh diberikan sagu hati** mengenai kematian atau bencana tersebut, mengikut para 23 dalam P.U. (A) 487 Kaedah-kaedah Polis Diraja Malaysia 1969.

- 12.4 Sekolah yang tidak mempunyai Kor Kadet Polis, **TIDAK BOLEH** memohon pelantikan Pegawai Kanan Kor Kadet Polis.

## 13. KENAIKAN PANGKAT

Kenaikan pangkat dalam Kor Kadet Polis adalah seperti yang berikut:

- 13.1 Dengan kuasa-kuasa yang diberikan mengikut Sek. 70(4) Akta Polis 1967, Pegawai Memerintah boleh menubuhkan satu Jawatankuasa Kenaikan Pangkat bagi anggota – anggota Pangkat Rendah KKPDRM seperti berikut:
  - 13.1.1 Ketua Polis Daerah
  - 13.1.2 Komander Kompeni
  - 13.1.3 Komander Platun
- 13.2 Garis panduan bagi pemilihan untuk kenaikan pangkat adalah seperti yang berikut :
  - 13.2.1 Pengetahuan Am Kepolisian
  - 13.2.2 Ketahanan Diri
  - 13.2.3 Khidmat Masyarakat
  - 13.2.4 Bina Jati Diri dan Ketrampilan/ Kreativiti

## 14. PENAMATAN PERKHIDMATAN

Seseorang pegawai kanan Kor Kadet Polis, pegawai pangkat rendah Kor Kadet atau anggota Kor Kadet boleh ditamatkan perkhidmatannya atau diturunkan pangkat mengikut Seksyen 70 Akta Polis 1967 (**Lampiran J5**), atas sebab-sebab berikut:

- 14.1 Gagal mencapai tahap kecekapan yang dikehendaki, atau

- 14.2 Gagal mematuhi peraturan, arahan dan perintah yang sah daripada seseorang yang lebih kanan daripadanya, atau
- 14.3 Melakukan perbuatan salah laku atau kecuaian melampau (Perintah Am/ Peraturan Disiplin Sekolah KPM), atau
- 14.4 Terlibat dengan kesalahan jenayah dan telah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah, atau
- 14.5 Melanggar integriti sebagai penjawat awam serta menjelaskan imej dan nama jabatan.

## 15. PERLETAKAN JAWATAN

Perletakan jawatan dalam Kor Kadet Polis adalah seperti yang berikut:

- 15.1 Seseorang anggota Kor Kadet boleh memohon untuk meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis satu (1) bulan seperti Lampiran D3 kepada Pegawai Memerintah mengikut Seksyen 71, Akta Polis 1967 (Lampiran J4)
- 15.2 Seorang Pegawai Kanan Kor Kadet yang bertukar keluar daripada kontinjen hendaklah melepaskan pangkat dan jawatan yang disandang.
- 15.3 Pihak sekolah perlu melantik Komander Platon yang baharu bagi menggantikan Pegawai Kanan Kor Kadet yang bertukar atau meletak jawatan.

## 16. RAYUAN

Rayuan terhadap hukuman buang atau hukuman turun pangkat boleh dibuat seperti di para 16 (1) (a), (b) dan 16 (2) Warta Kerajaan 20 November 1969 P.U.(A) 487 Ordinan No. 2 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat, 1969 Akta Polis 1967 ada menyatakan:-

### 16.1 Para 16(1)

- (a) Menteri, mengenai seseorang Pegawai Kanan Pasukan Kadet yang telah dibuang atau diturunkan pangkat, dan keputusan Menteri adalah muktamad.

- (b) Ketua Polis Negara, mengenai seseorang Kadet atau Pegawai Rendah Pasukan Kadet yang telah dibuang atau diturunkan pangkat, mengikut mana yang berkenaan, dan keputusan Ketua Polis Negara adalah muktamad.

### **16.2 Para 16(2)**

Sesuatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa rayuan dengan bertulis dalam tempoh 10 hari dari tarikh keputusan itu.

## **17. PEMBUBARAN**

Seksyen 73 Akta Polis, sekiranya didapati mana-mana platun tidak aktif, menteri boleh membubarkannya kelulusan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

## **18. LATIHAN/ AKTIVITI**

Ketua Polis Daerah bertanggungjawab memberi latihan kepada Pegawai Kanan Kor Kadet dan anggota Kor Kadet mengikut silibus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara seperti berikut di **Lampiran G:**

### **18.1 Pengetahuan Am Kepolisian**

Perkara-perkara yang berkaitan dengan pengetahuan am hal kepolisan, peraturan dan arahan meliputi:

18.1.1 Latihan Kawad

18.1.2 Ceramah Undang-Undang

18.1.3 Latihan Menembak

18.1.4 Perkhemahan Dan Sebagainya.

### **18.2 Jati Diri dan Ketrampilan/ Kreativiti**

Semua anggota Kor Kadet hendaklah mematuhi etika

pemakaian uniform dalam setiap aktiviti yang diikuti dan digalakkan memupuk minat terhadap hobi masing-masing melalui projek-projek seperti mengumpul setem, menyediakan model-model, cara-cara memasak, mengubah bunga dan aktiviti lain yang bersesuaian.

#### 18.3 **Khidmat Masyarakat (KHIDMAS)**

Aktiviti-aktiviti ini hendaklah dibina ke arah mewujudkan masyarakat penyayang seperti latihan kebombaan, pertolongan cemas, lawatan ke rumah kebajikan dan kerja-kerja amal dalam kalangan masyarakat hendaklah dijalankan secara berterusan.

#### 18.4 **Ketahanan Diri**

Latihan ini dilakukan dalam bentuk mengembara, ekspedisi, berkayak, berbasikal, merentas halangan, jalan lasak, seni mempertahankan diri, pandu arah dan dilaksanakan mengikut kesesuaian.

### 19. PERANAN DAN BIDANG TUGAS

Semua anggota Kor Kadet Polis Diraja Malaysia juga hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti:-

- 19.1 Kawalan orang ramai semasa sukan atau majlis keramaian sekolah.
- 19.2 Kawalan trafik bersama Polis Diraja Malaysia dalam kawasan sekolah.
- 19.3 Bantuan mengekalkan disiplin dan tata tertib di sekolah.
- 19.4 Bantuan kepada anggota polis yang bertugas di sekolah dalam acara-acara tertentu.
- 19.5 Memberi maklumat kepada pihak pentadbiran sekolah jika terdapat atau mengetahui sebarang kegiatan salah laku oleh murid dan pihak luar di dalam premis sekolah.
- 19.6 Mengambil bahagian dalam aktiviti perkhemahan, perhimpunan, perbarisan dan pertunjukan di peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

- 19.7 Penglibatan aktiviti di luar kawasan sekolah hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada pegawai pemerintah, pihak sekolah dan ibu bapa/ penjaga. Komander Platon hadir sebagai pengiring.

## 20. PAKAIAN SERAGAM

**Bagi tujuan pelaksanaan** kelengkapan **pakaian seragam Kor Kadet Polis Diraja Malaysia dalam Akta Polis 1967 ini**, Pegawai dan Anggota KKPDRM hendaklah memakai pakaian seragam yang telah diluluskan oleh Ketua Polis Negara sebagaimana **termaktub dalam** Warta Kerajaan Jilid 55 No. P.U (A)8 bertarikh 13 Januari 2011 Tambahan No. 4 Perundangan A **di Peraturan 27 - Bahagian III -** Pakaian Seragam Spesifik Mengikut Jabatan, Unit, Dsb Dan Pakaian Seragam Mengandung Yang Menyatakan Pakaian Seragam Bagi Kor Kadet Polis Diraja Malaysia sebagaimana yang ditetapkan dalam **Jadual Kedua Puluh Empat**.

Pembekalan Peralatan Pakaian yang telah dipersetujui dibekalkan oleh Pasukan Polis DiRaja Malaysia yang akan dikenal pasti sebagai "store item" hendaklah dibuat permintaan terus ke Pusat Bekalan Polis, Shah Alam, Selangor melalui Formasi masing-masing. Pembekalan Peralatan Pakaian tersebut hanya dibekalkan kepada pelatih Tahun Pertama dan Tahun Keempat sahaja.

Peralatan pakaian yang dibekalkan kepada KKPDRM hendaklah direkodkan sebagai Pegangan Formasi dan dikembalikan ke Formasi yang menguruskan peralatan tersebut sekiranya individu

Pangkat	Jenis	Item	Spesifikasi
1. Pegawai Kanan Polis Lelaki	Pakaian seragam kerja	Kep Berpelindung	Biru hitam dengan lencana kep diperbuat daripada kain bersulam
		Beret	Kep biru hitam bersulam pada jalur biru firus
		Serban bagi seseorang Pegawai Polis Sikh	Biru hitam dengan lencana kep Perak

terbabit tidak lagi menyertai KKPDRM.

		Bushjaket	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Biru Hitam</li> <li>b) Kain tahan renyuk</li> <li>c) Kolar polo</li> <li>d) Berlapik penuh</li> <li>e) Berbutang sebaris</li> <li>f) Enam butang perak besar dan lelubang</li> <li>g) Dua poket dada dengan penutup tiga penjuru dengan lubang butang dan lelubang bagi butang perak sederhana dan pelindung butang</li> <li>h) Belah sembuni pada sebelah kanan poket dada kiri</li> <li>i) Dua poket bawah dengan penutup tiga penjuru dan butang perak sederhana dengan pelindung butang</li> <li>j) Lisu tengah pada bahagian belakang</li> <li>k) Belahan tengah pada kelim pinggang</li> <li>l) Lengan panjang</li> <li>m) Nama pengenalan Kor Kadet pada bahagian atas lengan kiri dan kanan baju</li> <li>n) Lencana sekolah pada bahagian tengah poket dada kiri</li> </ul>
		Kemeja	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Biru hitam</li> <li>b) Kolar polo tiga butang besar dan lelubang</li> <li>c) Dua poket dada dengan penutup tiga penjuru</li> <li>d) Lubang butang dan lelubang dengan butang perak sederhana dan pelindung butang</li> <li>e) Belah sembuni pada poket dada kiri</li> <li>f) Lubang butang dan lelubang dengan butang perak sederhana dan pelindung butang</li> <li>g) Belah sembuni pada poket dada kiri</li> </ul>

			h) Lengan panjang dengan manset lipat tunggal dengan lubang butang dan lelubang dengan satu butang plastik biru hitam atau lengan pendek dengan manset lipat tunggal i) Nama pengenalan Kor Kadet pada sebelah atas lengan kiri dan kanan baju j) Lencana sekolah pada bahagian tengah poket dada kiri
		Seluar	a) Biru hitam b) Kain tahan remuk c) Belah sembunyi kancing dengan ikatan pinggang lipat tindih d) Tiga gelung tali pinggang dengan butang dan lubang butang e) Butang plastik biru hitam f) Dua lisu pada bahagian depan g) Poket serong h) Panjang melebihi buku lali
		Lencana kolar	Pada pelapik biru hitam
		Lencana pangkat	Pada epaulet hitam
		Tanda nama	Sebagaimana yang ditetapkan dalam subperaturan 35(1)
		Wisel dan rantai	a) Logam b) Perak
		Tali pinggang	a) Biru hitam b) Nilon c) Gancu logam dicetak timbul dengan lambang polis
		Stokin	Hitam
		Kasut	a) Hitam b) Kulit
2. Pegawai Kanan Polis Wanita	Pakaian seragam kerja	Topi bowler	Biru hitam dengan lencana kep diperbuat daripada kain bersulam
		Beret	kep biru hitam bersulam pada jalur biru firus

	Tudung kepala bagi seseorang Pegawai Polis Wanita Islam	a) Biru hitam b) Kain tahan renyuk
	Bushjaket	a) Biru Hitam b) Kain tahan renyuk c) Kolar polo d) Berlapik penuh e) Berbutang sebaris f) Enam butang perak besar dan lubang g) Dua poket dada dengan penutup tiga penjuru dengan lubang butang dan lubang bagi butang perak sederhana dan pelindung butang h) Belah sembunyi pada sebelah kanan poket dada kiri i) Dua poket bawah dengan penutup tiga penjuru dan butang perak sederhana dengan pelindung butang j) Lisu tengah pada bahagian belakang k) Belahan tengah pada kelim pinggang l) Lengan panjang m) Nama pengenalan Kor Kadet pada bahagian atas lengan kiri dan kanan baju n) Lencana sekolah pada bahagian tengah poket dada kiri
	Seluar	a) Biru hitam b) Kain tahan remuk c) Belah sembunyi kancing dengan ikatan pinggang lipat tindih d) Tiga gelung tali pinggang dengan butang dan lubang butang e) Butang plastik biru hitam f) Dua lisu pada bahagian depan g) Poket serong h) Panjang melebihi buku laji

		Lencana kolar	Pada pelapik biru hitam
		Lencana pangkat	Pada epaulet hitam
		Tanda nama	Sebagaimana yang ditetapkan dalam subperaturan 35(1)
		Wisel dan rantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Logam</li> <li>b) Perak</li> </ul>
		Tali pinggang	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Biru hitam</li> <li>b) Nilon</li> <li>c) Gancu logam dicetak timbul dengan lambang polis</li> </ul>
		Stokin	Hitam
		Kasut	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Hitam</li> <li>b) Kulit</li> </ul>
3. Pegawai Rendah Polis Lelaki	Pakaian seragam kerja	Beret	Biru hitam dengan lencana kep perak pada jalur biru firus
		Serban bagi seseorang Pegawai Polis Sikh	Biru hitam dengan lencana kep Perak
		Kemeja	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Biru hitam</li> <li>b) Kolar polo</li> <li>c) tiga butang besar dan lelubang</li> <li>d) Dua poket dada dengan penutup tiga penjuru</li> <li>e) Lubang butang dan lelubang dengan butang perak sederhana dan pelindung butang</li> <li>f) Belah sembunyi pada poket dada kiri</li> <li>g) Lengan panjang dengan manset lipat tunggal dengan lubang butang dan lelubang dengan satu butang plastic biru hitam atau lengan pendek dengan manset lipat tunggal</li> <li>h) Nama pengenalan Kor Kadet pada sebelah atas lengan kiri dan kanan baju</li> <li>i) Lencana sekolah pada bahagian tengah poket dada kiri</li> </ul>

		Seluar	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Biru hitam</li> <li>b) Kain tahan remuk</li> <li>c) Belah sembunyi kancing dengan ikatan pinggang lipat tindih</li> <li>d) Tiga gelung tali pinggang dengan butang dan lubang butang</li> <li>e) Butang plastik biru hitam</li> <li>f) Dua lisu pada bahagian depan</li> <li>g) Poket serong</li> <li>h) Panjang melebihi buku lali</li> </ul>
		Lencana kolar	Pada pelapik biru hitam
		Lencana pangkat	Pada Jalur bahu biru hitam
		Tanda nama	Sebagaimana yang ditetapkan dalam subperaturan 35(1)
		Wisel dan rantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Logam</li> <li>b) Perak</li> </ul>
		Tali pinggang	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Biru hitam</li> <li>b) Nilon</li> <li>c) Gancu logam dicetak timbul dengan lambang polis</li> </ul>
		Stokin	Hitam
		Kasut	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Hitam</li> <li>b) Kulit</li> </ul>
4. Pegawai Rendah Polis Wanita	Pakaian seragam kerja	Beret	Biru hitam dengan lencana kep perak pada jalur biru firus
		Tudung kepala bagi seseorang Pegawai Rendah Polis Wanita Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Biru hitam</li> <li>b) Kain tahan renyuk</li> </ul>
		Bushjaket	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Biru Hitam</li> <li>b) Kain tahan renyuk</li> <li>c) Kolar polo</li> <li>d) Berlapik penuh</li> <li>e) Berbutang sebaris</li> <li>f) Enam butang perak besar dan lelubang</li> </ul>

			<p>g) Dua poket dada dengan penutup tiga penjuru dengan lubang butang dan lelubang bagi butang perak sederhana dan pelindung butang</p> <p>h) Belah sembunyi pada sebelah kanan poket dada kiri</p> <p>i) Dua poket bawah dengan penutup tiga penjuru dan butang perak sederhana dengan pelindung butang</p> <p>j) Lisu tengah pada bahagian belakang</p> <p>k) Belahan tengah pada kelim pinggang</p> <p>l) Lengan panjang</p> <p>m) Nama pengenalan Kor Kadet pada bahagian atas lengan kiri dan kanan baju</p> <p>n) Lencana sekolah pada bahagian tengah poket dada kiri</p>
		Seluar	<p>a) Biru hitam</p> <p>b) Kain tahan remuk</p> <p>c) Belah sembunyi kancing dengan ikatan pinggang lipat tindih</p> <p>d) Tiga gelung tali pinggang dengan butang dan lubang butang</p> <p>e) Butang plastik biru hitam</p> <p>f) Dua lisu pada bahagian depan</p> <p>g) Poket serong</p> <p>h) Panjang melebihi buku lali</p>
		Lencana kolar	Pada pelapik biru hitam
		Lencana pangkat	Pada jalur bahu biru hitam
		Tanda nama	Sebagaimana yang ditetapkan dalam subperaturan 35(1)
		Wisel dan rantai	<p>a) Logam</p> <p>b) Perak</p>
		Tali pinggang	<p>a) Biru hitam</p> <p>b) Nilon</p> <p>c) Gancu logam dicetak timbul dengan lambang polis</p>

		Stokin	Hitam
		Kasut	a) Hitam b) Kulit

## 21. SIJIL-SIJIL

Sijil-sijil yang dikeluarkan oleh KKPDRM adalah seperti yang berikut:-

### 21.1 Sijil Penubuhan

Sijil Penubuhan Kor Kadet Polis Diraja Malaysia akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada KPN atau wakil KPN.

### 21.2 Sijil Pengakuan

KPD bertanggungjawab memberi satu Sijil Pengakuan kepada semua pegawai dan anggota PKP yang berjaya menjadi anggota Kadet Polis. Contoh sijil pengakuan seperti **di Lampiran D**.

## 22. TANGGUNGJAWAB KETUA POLIS DAERAH

Ketua Polis Daerah sebagai Pegawai Memerintah di peringkat daerah berkenaan bertanggungjawab atas perkara-perkara berikut:

- 22.1 Menentukan semua pegawai kanan dan anggota KKPDRM dilengkapi dengan pakaian seragam mengikut skala yang diluluskan.
- 22.2 Memberikan latihan dan kursus secukupnya kepada pegawai dan anggota KKPDRM seperti yang dinyatakan di para 18.
- 22.3 Menganjurkan dan mengadakan aktiviti tahunan perkhemahan peringkat daerah.
- 22.4 Mewujudkan organisasi pengurusan dan latihan di daerah mengikut nisbah 1 platun 1 jurulatih.
- 22.5 Mewujudkan Komander Kompeni yang ber pangkat ASP Kor Kadet dalam kalangan pegawai kanan KKPDRM daerah.
- 22.6 Pihak sekolah hendaklah mengemukakan keperluan

peralatan pakaian yang telah dipersetujui oleh Polis Diraja Malaysia yang akan dikenal pasti sebagai 'store item' dan hendaklah memohon terus ke Pusat Bekalan Polis Shah Alam, Selangor.

- 22.7 Memastikan peralatan pakaian yang dibekalkan kepada KKPDRM hendaklah direkodkan sebagai Pegangan Formasi.
- 22.8 Menentukan individu terbabit yang tidak lagi menyertai KKPDRM mengembalikan peralatan pakaian yang dibekalkan, direkod dan dikemas kini stok 'store item'.
- 22.9 Memastikan pembekalan peralatan pakaian tersebut hanya dibekalkan kepada anggota KKPDRM yang berdaftar sahaja.

## **23. TANGGUNGJAWAB PENGETUA SEKOLAH**

Pengetua Sekolah bertanggungjawab atas perkara-perkara berikut:

- 23.1 Melantik Komander Pluton dalam kalangan guru yang mempunyai ketokohan dan kewibawaan sebagai pegawai kanan KKPDRM.
- 23.2 Memastikan Pegawai Kanan KKPDRM dilantik mengikut Seksyen 70 dan peletakan jawatan mengikut Seksyen 71, Akta Polis 1967.
- 23.3 Memberi pelepasan kepada Pegawai-pegawai Kanan KKPDRM untuk menjalankan tugas yang diarahkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Polis Diraja Malaysia.
- 23.4 Memastikan perjawatan dan keanggotaan KKPDRM dipenuhi setiap masa.
- 23.5 Berhubung dengan Ketua Polis Daerah dari semasa ke semasa berkaitan dengan latihan dan aktiviti KKPDRM.
- 23.6 Menyediakan tempat atau kawasan untuk menjalankan aktiviti dengan selesa.
- 23.7 Memastikan kelengkapan dan peralatan yang dibekalkan oleh Polis Diraja Malaysia dikawal selia.
- 23.8 Menghubungi Ketua Polis Daerah mengenai pertukaran,

peletakan jawatan dan persaraan pegawai kanan KKPDRM dan menentukan penggantinya.

## **24. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KANAN KOR KADET POLIS**

- 24.1 Pegawai Kanan Kor Kadet Polis adalah dalam kalangan guru-guru
- 24.2 Bidang Tugas:
  - 24.2.1 Memastikan keselamatan murid semasa menjalankan gerak kerja kokurikulum;
  - 24.2.2 Mempunyai pengetahuan serta lengkapkan diri dengan kemahiran agar dapat menjalankan tugas dengan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum dengan cemerlang dan berkesan.
  - 24.2.3 Menyampaikan ilmu pengetahuan dan memupuk semangat setia kawan serta kemahiran dalam ilmu kepolisan dan melahirkan modal insan cemerlang dan gemilang.
  - 24.2.4 Menentukan bekalan pakaian seragam mencukupi dan boleh diguna sama dalam kesiapsiagaan.
  - 24.2.5 Bertanggungjawab melahirkan pelajar yang berdisiplin, cemerlang dari segi akademik dan insaniah.
  - 24.2.6

## **25. PENUTUP**

Pemurnian Buku Panduan ini sebagai panduan tatacara pengurusan KKPDRM berlandaskan arahan dan peraturan yang berkuat kuasa agar ia mencapai matlamat yang disarankan untuk memastikan penyelaras dan keseragaman dipatuhi.

# **LAMPIRAN**

## **A**

# **JADUAL PERTAMA**

## **(KAEDAH 5)**

**LAMPIRAN A**

**JADUAL PERTAMA**  
(KAEDAH 5)

**KOR KADET POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**PERMOHONAN UNTUK MENUBUHKAN PASUKAN KADET**  
( Hendaklah dihantar dalam tiga (3) salinan )

**Bahagian A**

Pengarah Pendidikan Negeri,

.....  
.....  
.....

Saya (Nama) .....

Pengetua Sekolah.....

No.Telefon ..... memohon menubuhskan ..... unit Platun Kor  
Kadet Polis Diraja Malaysia di sekolah saya.

Tarikh: .....  
.....

( Tandatangan dan Cop Pengetua )

Muka Surat 1/3

**Bahagian B (PERINGKAT NEGERI / KONTINJEN)**

Pegawai Pendidikan Negeri (JPN)

.....  
.....  
.....  
.....

Saya **menyokong** / **tidak menyokong** penubuhan Platun Kor Kadet Polis Diraja Malaysia di Sekolah

.....

Tarikh : ..... ( Tandatangan dan Cop JPN )

**Pegawai Memerintah ( IPK )**

.....  
.....  
.....

Saya **menyokong** / **tidak menyokong** penubuhan Platun Kor Kadet Polis Diraja Malaysia di Sekolah

.....

Tarikh : ..... ( Tandatangan dan Cop IPK )

Muka Surat 2/3

**Bahagian C ( BUKIT AMAN / KDN )**

Setelah dipertimbangkan, saya dengan ini telah membuat keputusan permohonan ini:

Diluluskan / Tidak diluluskan

Tarikh : .....  
.....

Tandatangan  
( Pegawai Pemerintah )

Muka Surat 3/3

# **LAMPIRAN**

# **B**

# **CARTA**

# **ORGANISASI**

# **PENGURUSAN**


**LAMPIRAN B 1**

**CARTA ORGANISASI BERSAMA KPM DAN PDRM**



**LAMPIRAN B 2**


**CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KOR KADET POLIS DIRAJA MALAYSIA  
PERINGKAT NEGERI**



**LAMPIRAN B3**

**CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KOR KADET  
POLIS DIRAJA MALAYSIA**


**PERINGKAT KOMPENI**



**LAMPIRAN B 4**

**CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KOR KADET  
POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**PERINGKAT PLATUN**



JUMLAH KESELURUHAN: **35 ANGGOTA**

# **LAMPIRAN**

## **C**

# **JADUAL KETIGA (KAEDAH 7) PERMOHONAN PERLANTIKAN PEGAWAI KANAN KOR KADET POLIS**

**LAMPIRAN C**

**JADUAL KETIGA**  
(KAEDAH 7)

**PERMOHONAN UNTUK PELANTIKAN SEBAGAI PEGAWAI  
KANAN KOR KADET POLIS DIRAJA MALAYSIA**

(Hendaklah dihantar dalam tiga (3) salinan bersama 3 keping gambar berukuran pasport dan 3 salinan kad pengenalan)

**SEKSYEN 1**

1. Kompeni / Sekolah

.....

2. Nama Penuh (Huruf Cerai)\*

.....

3. Tarikh Lahir / Tempat Lahir

.....

4. No.Kad Pengenalan

.....

5. Alamat rumah

.....

.....

No.Telefon : .....

Emel : .....

6. Adakah kamu seorang warganegara Malaysia?

Ya / Tidak (potong yang tidak berkenaan)

Sekiranya bukan warganegara Malaysia, nyatakan kewarganegaran

.....

7. Adakah kamu sedang berkhidmat atau telah dahulunya berkhidmat dalam mana-mana cawangan Pasukan Polis Diraja Malaysia?

(termasuk unit – unit sukarela atau kadet? )

.....

.....

Nota: Bagi pemohon Cina nama penuhnya itu hendaklah juga termasuk nama penuh dalam tulisan Cina.

Muka Surat 1/6

Nyatakan (Jika ada):-

(a) Butir-butir perkhidmatan

(i) Tarikh pelantikan / masuk berkhidmat

.....

(ii) No. diri / no. Perkhidmatan

.....

(b) Butir-butir mengenai berhenti :

(i) Tarikh bersara / meletakkan jawatan atau dilepaskan

.....

(ii) Keadaan bersara / meletakkan jawatan atau dilepaskan

.....

(iii) Adakah kamu sekarang atau pernahkah kamu menerima apa-apa pencen hilang upaya, gaji bersara atau pencen perkhidmatan?  
Nyatakan yang mana satu:

.....

Saya mengaku segala jawapan yang tersebut di atas adalah betul dan saya memohon dilantik dalam Kor Kadet Polis Diraja Malaysia.

Tarikh .....

.....

Tandatangan Pemohon

Muka Surat 2/6

## SEKSYEN 2

### SOKONGAN PENGARAH / PENGETUA

Saya memperakui bahawa kelakuan .....  
adalah baik dari segi akhlak dan saya menyokong perlantikannya sebagai  
seorang .....(pangkat) dalam Kor Kadet Polis  
Diraja Malaysia.

Tarikh: .....  
.....

Tandatangan

Nama : .....  
Jawatan: .....

---

Muka Surat 3/6

### SEKSYEN 3

#### LAPORAN PEGAWAI PERUBATAN

Saya memperakui bahawa saya telah memeriksa .....  
.....

